

17 DEC 1997

Indonesia-Hutang

INDONESIA TIDAK AKAN JADUALKAN SEMULA HUTANG LUARNYA

Oleh: Haris Syamaun

JAKARTA, 17 Dis (Bernama) -- Kerajaan Indonesia tidak mempunyai rancangan untuk menjadualkan semula bayaran balik hutang luarnya walaupun masalah kewangan sekarang, kata Menteri Sekretariat Negara Moerdiono hari ini.

"Kita (kerajaan) mempunyai tanggungjawab dan komitmen untuk membayar balik hutang," kata beliau kepada media massa selepas menemui Presiden Suharto di Istana Presiden di Jalan Cendana.

Presiden itu telah mengarahkan semua pegawai untuk memantau perkembangan ekonomi negara itu, khususnya yang berkaitan dengan penyusutan nilai rupiah, kata beliau.

Kadar pertukaran Rupiah berbanding dolar jatuh pada paras terendah semalam kepada 6,000 ekoran khabar angin dan spekulasi mengenai kesihatan Suharto.

Moerdiono berkata, keadaan kesihatan Presiden adalah baik walaupun beliau masih perlu rehat untuk beberapa hari lagi seperti yang dinasihatkan oleh sepasukan doktor.

"Tetapi seperti yang anda semua tahu, Presiden tetap menjalankan tugasnya dengan memanggil pegawai-pegawai ke kediamannya hampir setiap hari sejak beliau mula berehat. Presiden juga telah memutuskan untuk menghadiri majlis penyampaian ijazah kepada lebih kurang 700 anggota kadet angkatan tentera dan polis esok," kata beliau.

Presiden itu telah dinasihatkan supaya berehat selama 10 hari bermula 5 Dis kerana mengalami kepenatan selepas mengadakan lawatan ke Afrika, Amerika Utara dan Arab Saudi.

Moerdiono berkata, penyusutan nilai rupiah telah melampaui anggaran kerajaan.

Berbanding dengan kenyataan Perdana Menteri Malaysia Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang kemasukan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk membantu beberapa negara mengatasi krisis itu adalah tidak berkesan, Moerdiono pula berpendapat bagi Indonesia, IMF telah memberi respon seperti yang dihendaki. -- BERNAMA

HS PR